



27 MAY, 2020

Pasar Agro Selangor dibuka 22, 23 Mei

SelangorKini, Malaysia

Pasar Agro Selangor dibuka 22, 23 Mei



SHAH ALAM – Lima Pasar Agro Selangor yang menawarkan bahan mentah segar bawah paras harga kawalan dibuka dua hari berturut-turut menjelang sambutan Aidilfitri, kata EXCO industri asas tani.

Ir Izham Hashim menjelaskan pasar yang beroperasi 22 dan 23 Mei bermula jam 8 pagi hingga 2 petang dibuka di pasar tani Seksyen 13, Shah Alam; pasar tani Kelana Jaya; Saujana Utama; Laman Niaga Komuniti Bandar Baru Bangi dan Beranang, Hulu Langat.

“Kita bagi jaminan jualan barang dibuat di bawah harga kawalan, saya difahamkan ada kenaikan harga ayam dan daging kita akan pertahankan untuk beri harga terbaik.

“Seperti contoh ayam kita cuba jual di bawah RM7.50 sekilogram manakala daging lembu segar untuk daging pejal di bawah RM35 sekilogram,” katanya pada 19 Mei lalu.

Beliau berkata Pasar Agro Selangor berkonsep pasar terkawal merekodkan nilai jualan hampir RM10 juta sejak dibuka susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

“Ia memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan barang pada harga berpatutan dan segar,” katanya.



27 MAY, 2020

Pasar Agro Selangor dibuka 22, 23 Mei

SelangorKini, Malaysia

SUMMARIES

SHAH ALAM – Lima Pasar Agro Selangor yang menawarkan bahan mentah segar bawah paras harga kawalan dibuka dua hari berturut-turut menjelang sambutan Aidilfitri, kata EXCO industri asas tani. Ir Izham Hashim menjelaskan pasar yang beroperasi 22 dan 23 Mei bermula jam 8 pagi hingga 2 petang dibuka di pasar tani Seksyen 13, Shah Alam; pasar tani Kelana Jaya; Saujana Utama; Laman Niaga Komuniti Bandar Baru Bangi dan Beranang, Hulu Langat.